Latihan 2: Menjawab soalan pemahaman berdasarkan petikan buku teks muka surat 119.



Mendengar dan Bertutur

Bagai Aur dengan Tebing

Amalan bergotong-royong merupakan budaya masyarakat Melayu. Amalan ini biasanya dilakukan apabila penduduk kampung mengadakan majlis perkahwinan, sambutan acara keagamaan, urusan kematian atau aktiviti kebersihan dan keceriaan. Beberapa hari sebelum majlis itu diadakan, penduduk kampung akan bergotong-royong untuk membuat persiapan.

Menerusi amalan ini, masyarakat dididik untuk bermuafakat dan bekerjasama. Selain itu, amalan ini dapat memberikan peluang kepada golongan muda untuk mempelajari bidang tertentu ketika menyelenggarakan majlis kenduri atau acara keramaian.

Pada bulan lalu, sepupu Amar telah melangsungkan perkahwinan. Sehari sebelum majlis perkahwinan itu diadakan, Amar dan rakan-rakannya telah berkunjung ke rumah sepupunya itu.

1. Apakah amalan budaya masyarakat Melayu?
   Amalan budaya masyarakat Melayu ialah _____.
2. Bilakah amalan gotong-royong biasa dilakukan oleh penduduk kampung?
   Amalan bergotong-royong biasanya dilakukan oleh penduduk kampung apabila majlis perkahwinan, _____.
3. Melalui amalan ini, apakah yang ingin dididik dalam masyarakat?
   Melalui amalan ini masyarakat dididik untuk _____.
4. Apakah peluang yang diperoleh oleh golongan muda dalam aktiviti ini?
   Peluang yang diperoleh oleh golongan muda dalam aktviti ini membolehkan mereka mempelajari cara menyelenggarakan_____.
5. Rumah siapakah yang mengadakan majlis perkahwinan dalam petikan di atas?
   Rumah yang mengadakan majlis perkahwinan dalam petikan di atas ialah rumah_____.

Betulkan tanda baca dan ejaan dalam ayat.

1. amalan ini biasanya dilakukan bila penduduk kampung mengadakan majlis perkahwinan.
   _____
2. berapa hari sebelum majlis itu diadakan, penduduk kampung telah bergotong-royong.
   _____
3. masyarakat dididik untuk bermuaafakat dan berkerjasama.
   _____
4. amalan ini dapat memberikan peluang kpada golongan muda.
   _____
5. golongan muda dapat membelajari bidang tertentu ketika menyelengarakan majlis kenduri.
   _____

LIVEWORKSHEETS

LIVEWORKSHEETS